

# UMS menang International Students Office Achievement 2015

NST 14.5.16 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah merangkul anugerah International Students Office Achivement 2015 pada majlis International Appreciation Night 2016 yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) baru-baru ini.

Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Molly Donna Awang Sham berkata, anugerah ini merupakan pencapaian terbaik UMS dalam

memperkasakan pengantarabangsaan pelajar antarabangsa.

"Anugerah ini mengambil kira beberapa kriteria khas iaitu pengurusan pelajar antarabangsa terbaik, bilangan pelajar antarabangsa dari kepelbagaian negara dan hubungan kerjasama universiti," jelasnya.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Pengarah Commonwealth Tertiary Education Fa-

cility (CTEF), Prof. Dato' Dr. Morshidi Sirat.


Dalam pada itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah menerusi kenyataannya menerusi Facebook turut berkata, kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan atas usaha UMS mempromosikan sebagai destinasi terbaik bagi pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di universiti ini.

Selain dari anugerah ini, majlis yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, UMT itu turut menyediakan anugerah International Students Diversity Achievement 2015.

Turut hadir pada majlis tersebut, Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dan Pengarah Bahagian Education Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Jamalulail Abu Bakar.



TERIMA  
ANUGERAH ...  
Molly Donna  
(kiri)  
menerima  
anugerah  
International  
Students  
Office  
Achievement  
2015.



PARA PENERIMA ... Para penerima anugerah bergambar pada majlis International Appreciation Night 2016 di UMT.